



19 SEP, 2026

Bil elektrik jimat sehingga RM47 sebulan

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Pengguna domestik Tenaga Nasional Bhd (TNB) kini boleh menikmati penjimatan bil elektrik sehingga RM47 sebulan atau 13 peratus susulan peluasan tahap perlindungan daripada 600 kilowatt/jam (kWj) kepada 800 kWj sebulan bermula bulan ini.

Sebagai contoh, bil elektrik pengguna yang menggunakan 800 kWj pada bulan lalu adalah sebanyak RM375.85, namun dengan peluasan perlindungan bermula bulan ini, penggunaan yang sama dikenakan caj bil elektrik sebanyak RM328.60, penjimatan sebanyak RM47.25.

Peluasan perlindungan itu juga akan membabitkan lebih sejuta pengguna tambahan, menjadikan keseluruhan kira-kira 90 peratus atau lebih lapan juta pengguna domestik TNB kini dilindungi.

Malah, pengguna yang menggunakan sehingga 800 kWh sebulan akan dikecualikan daripada caj Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA), cukai jualan dan perkhidmatan dan caj peruncitan RM10 sebulan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad ber-

Bil elektrik jimat sehingga RM47 sebulan

“Dengan peningkatan ambang perlindungan kepada 800 kWh, pengguna kini tidak lagi perlu membayar tiga komponen itu, sekali gus membolehkan bil berkurang sekitar RM47 sebulan atau 13 peratus berdasarkan contoh pengiraan TNB”

Shamsul Ahmad

kata, langkah itu dijangka membantu lebih ramai pengguna mengawal bil elektrik dan mengurangkan beban mereka ketika penggunaan tenaga meningkat.

“Dengan peningkatan ambang perlindungan kepada 800 kWh, pengguna kini tidak lagi perlu

membayar tiga komponen itu, sekali gus membolehkan bil berkurang sekitar RM47 sebulan atau 13 peratus berdasarkan contoh pengiraan TNB,” katanya pada taklimat media di sini, semalam.

Di samping itu, Shamsul berkata, sebelum ini, kira-kira 85 peratus pengguna domestik menggunakan elektrik di bawah 600 kWj sebulan pada awal tahun, sekali gus berada dalam zon perlindungan.

Bagaimanapun katanya, jumlah berkenaan kemudiannya menurun kepada sekitar 80 peratus apabila sebahagian daripada mereka meningkatkan penggunaan sehingga melepasi paras 600 kWj.

“Manakala, antara faktor yang dikenal pasti oleh TNB menyumbang kepada peningkatan penggunaan ialah suhu harian lebih tinggi, bekerja dari rumah dan juga musim perayaan,” katanya.